

Headline	Lubuk rezeki pasar karat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	48	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	239 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,827
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,481



# Lubuk rezeki pasar karat

**Ipoh:** Seorang penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak menyangka, minatnya terhadap koleksi wang lama sejak empat tahun lalu bertukar menjadi 'lubuk' rezeki apabila mampu memperoleh pendapatan lumayan sehingga RM6,000 sebulan.

Dzul Syazmel Rozani, 23, penuntut jurusan Sains Sukan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis menganggap usahanya berulang alik setiap minggu dari Perlis ke Ipoh untuk berniaga di Pasar Karat Loken, di sini, berbaloi apabila perniagaan yang diusahakan secara kecil-kecilan itu semakin mendapat perhatian.

Dzul Syazmel berkata, dia mula aktif dalam perniagaan itu selepas diperkenalkan bapa saudaranya kira-kira empat tahun lalu.

"Ketika saya berumur 18 tahun, saya mula didedahkan dengan beberapa koleksi duit lama milik bapa saudara. Dia banyak memberi tunjuk ajar dan ilmu tersendiri mencari wang itu. Ada juga di antara koleksi ini hasil dari sistem tukar suka sama suka dan hingga kini sudah beratus jenis mata wang saya kumpul.

"Malah, koleksi wang kertas paling mahal setakat ini not RM2 dengan nilai mencecah RM15,000 kerana mempunyai nombor siri

unik 8888888," katanya.

Menurut Dzul, kejayaannya itu tidak diperoleh dengan mudah kerana terpaksa melalui pelbagai halangan serta cabaran memandangkan dia masih belajar.

"Namun selepas beberapa tahun menjalankan bisnis ini, saya berjaya membuktikan pelaburan ini tidak sia-sia kerana mampu menjana pendapatan RM4,000 hingga RM6,000 sebulan," katanya.

Katanya, dia menggunakan sepenuhnya laman sosial media untuk mempromosikan jualannya termasuk menggunakan Facebook serta Instagram di bawah nama 'Street Numis'.



KEDAI menjual koleksi wang lama milik Dzul di Pasar Karat Loken, Ipoh.